

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: Tuesday, July 31, 2018 6:07 PM
To: UUM - All Staff
Cc: ipqnet
Subject: IPQ TERIMA LAWATAN PENANDAARASAN DARI PUSAT STRATEGI DAN PEMBANGUNAN KORPORAT UKM



31 JULAI 2018 / 18 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**IPQ TERIMA LAWATAN PENANDAARASAN DARI PUSAT STRATEGI DAN
PEMBANGUNAN KORPORAT UKM**



IPQ ONLINE: Pusat Strategi dan Pembangunan Korporat Universiti Kebangsaan Malaysia (Strategi-UKM) telah mengadakan kunjungan hormat dan penanda aras ke UUM dengan kerjasama Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) diketuai Pro Naib Canselor, Strategi dan Pembangunan Korporat, Prof. Dr. Ishak Yussof pada 21 hingga 23 Julai 2018.

Dalam rangka lawatan tersebut, seramai 15 delegasi terdiri daripada Timbalan

Pengarah Eksekutif (Pemantauan Prestasi Strategi), Timbalan Pengarah Eksekutif 1, (Siswazah, Sumber Manusia dan Prasarana Strategi), Pengurus Kanan, Ketua Bahagian Data dan pegawai-pegawai kanan UKM.

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk berkongsi pandangan berkenaan strategi ranking dan integrasi data sistem yang terdapat dalam UUM yang diuruskan oleh Bahagian Perancangan Korporat, IPQ. Pusat Strategi UKM juga berkongsi pengalaman berkenaan pengurusan data universiti.

Pengarah IPQ, Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf telah menyampaikan ucapan aluan kehadiran mereka ke IPQ dan taklimat berkenaan perkongsian pengalaman IPQ telah disampaikan oleh Pengurus Perangkaan iaitu Dr. Nur Hani Zulkifli Abai. Mereka juga turut dibawa melawat kampus UUM, Welcome Centre, dan lawatan sekitar Perlis.

Hadir sama adalah staf daripada Bahagian Perancangan Korporat, IPQ.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.